

14 DEC 1997

Cuepacs-Swasta

CUEPACS GESA KERAJAAN TANGGUH PENSWASTAAN

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) hari ini meminta kerajaan menangguhkan proses penswastaan beberapa agensinya kerana ia didakwa membebankan lagi ekonomi negara yang sedang menghadapi masalah ketika ini.

Presiden Cuepacs Mohamad Mat Jid berkata agensi yang terbabit juga harus memandang serius cadangan itu dan seboleh-bolehnya membatalkan rancangan penswastaan buat sementara waktu.

"Penswastaan pada ketika ini (di tengah kemelut ekonomi) akan membebankan rakyat kerana kos terbabit akhirnya akan dibayar oleh orang ramai," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat majlis kongres itu di sini.

Antara agensi yang dirujuk beliau adalah Jabatan Kerja Raya, Lembaga Air Perak, Universiti Malaya dan beberapa pihak berkuasa tempatan.

Sehubungan itu, mesyuarat majlis hari ini bersetuju membentuk sebuah jawatankuasa bertindak bagi mengkaji dengan lebih mendalam proses penswastaan setiap agensi yang terbabit dan menentukan kesannya terhadap kakitangan terlibat dan ekonomi negara.

Mengenai pembekuan kenaikan gaji pegawai Kumpulan A dan B, Mohamad berkata majlis berpendapat langkah itu perlu dikaji semula kerana ia bakal memberi masalah dari segi pelaksanaan kerana melibatkan sejumlah 400,000 kakitangan kerajaan.

"Pemotongan gaji mungkin tidak begitu membebankan tetapi pembekuan kenaikan akan lebih dirasai kerana ia melibatkan pencen dan ganjaran lain," katanya.

Sebagai alternatif, Cuepacs mencadangkan supaya sistem matriks, yang melibatkan kenaikan gaji melintang dan menegak di bawah Sistem Saraan Baru (SSB), dihapuskan kerana ia didakwa membebankan kerajaan.

"Berdasarkan kajian yang dibuat Cuepacs, perbelanjaan kerajaan untuk imbuhan di bawah sistem matriks akan bertambah dua kali ganda dalam jangka masa 10 tahun," katanya.

Menurutnya, pembayaran bonus tambahan, pemberian cenderamata seperti jam tangan dan acara sambutan yang berlebihan untuk penerima kenaikan di bawah sistem itu juga dianggap membazir.

Sehubungan itu, Cuepacs akan meminta kerajaan melaksanakan sistem gaji selapis iaitu kenaikan yang sama rata kepada kakitangan manakala imbuhan yang ingin diberikan boleh diberi dalam bentuk bonus tambahan ataupun cenderamata.

Mohamad berkata, anggota majlis akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi membincangkan perkara tersebut di samping mendapatkan penjelasan lanjut mengenai langkah yang diambil kerajaan untuk mengekang masalah ekonomi yang tidak menentu ketika ini.

Anwar ketika membentangkan langkah tambahan untuk mengatasi kemelut ekonomi negara di Dewan Rakyat Isnin lepas memutuskan antara lain pemotongan 10 peratus gaji jemaah menteri, tiga peratus gaji kakitangan Jawatan Utama Sektor Awam dan pembekuan kenaikan gaji pegawai kumpulan A dan B.

"Kita menyokong tanpa ada perasaan berbelah bahagi terhadap kerajaan untuk melaksanakan dasar ekonomi yang sesuai tetapi pada masa yang sama kita harus memastikan semua pihak mendapat hak yang sepatutnya," kata Mohamad ketika ditanya sama ada keputusan yang diambil Cuepacs itu bertentangan

dengan program pemulihan ekonomi negara. -- BERNAMA  
HJ AKD